

# PM saksikan aksi pertama

UM - 5 SEP 2001

PERDANA Menteri. Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad dijangka berada di Litar Monza, Itali bagi menyaksikan aksi pemandu Formula Satu negara, Alex Yoong pada perlumbaan pertamanya, 16 September ini.

Menteri Belia dan Sukan, Datuk Hishammuddin Tun Hussein berkata, Perdana Menteri mendapat jempunan bagi menyaksikan perlumbaan itu dan beliau dijang-

ka menerimanya bagi melihat sendiri kemampuan Alex.

"Perdana Menteri mungkin akan ke Monza kerana ketika itu juga beliau sedang membuat lawatan ke Eropah," katanya.

Beliau berkata demikian selepas majlis penyerahan Jalur Gemilang oleh Perdana Menteri kepada kontinjen negara ke Sukan SEA XXI Kuala Lumpur 8-17 September ini.

Perdana Menteri turut menyampaikan amanat kepada atlet negara mengingatkan mereka agar bertanggungjawab terhadap prestasi yang ditunjukkan pada temasya dwitahunan itu.

Pada majlis yang sama, Perdana Menteri turut menerima sejumlah 2 juta tandatangan rakyat Malaysia yang dikumpul sebagai tanda sokongan mereka kepada atlet negara daripada Pengarah Urusan

## Alex di Litar Monza

Nestle Malaysia, Jose Lopez.

Selain daripada itu, Hishammuddin turut mengesahkan bahawa pemilik pasukan Minardi, Paul Stoddard akan berada di Malaysia pada 6 hingga 8 September ini.

Kedatangan bos Stoddard itu adalah untuk mengadakan *road show* bagi Alex yang baru memperoleh lesen super daripada Persekutuan Automobil Antarabang-

sa (FIA), 27 Ogos lepas.

"Saya akan juga mengadakan pertemuan dengan Stoddard dalam tempoh ini untuk membuat perbincangan akhir mengenai penyertaan Alex dalam perlumbaan Formula Satu musim depan.

"Saya juga telah menjemput Stoddard untuk menyaksikan upacara perasmian Sukan SEA XXI yang akan berlangsung di Stadium Nasional, Bukit Jalil, 8

September ini," katanya.

Minardi bagaimanapun akan mengadakan *road show* mereka pada 7 September ini.

Dalam perkembangan lain, Hishammuddin mengesahkan bahawa sebanyak RM886,884 telah terkumpul dalam Tabung Bersamamu bagi membiayai murid-murid sekolah yang kurang berkemampuan menyaksikan temasya dwitahunan itu.